

Sebagaimana yang dibincangkan, Syeikh Daud telah merealisasikan satu kejayaan yang sukar dicapai dan dikecapi oleh orang lain. Kejayaan ini adalah hasil daripada pengorbanan yang dilakukannya sama ada dalam pembelajaran, pendidikan mahu pun penulisan.

Jika diteliti penulisan Syeikh Daud, dapatlah dikatakan bahawa beliau merupakan seorang yang tekun serta mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam. Karangan yang dihasilkan adalah hasil daripada adunan ilmunya yang pelbagai mengikut cita rasa masyarakat melayu khususnya pada waktu itu. Kitab *al-Durr al-Thamīn* adalah salah satu permata yang berharga peninggalan beliau yang mana beliau telah menghuraikan setiap permasalahan dengan detail dan menyeluruh, oleh sebab itulah karangan yang dihasilkannya mendapat sambutan sehingga ke hari ini.

BAB KETIGA

RIWAYAT HIDUP SYEIKH DAUD AL- FAṬĀNĪ DAN PENGENALAN KITAB KAJIAN (*AL-DURR AL-THAMĪN*) SERTA PERKEMBANGAN PENULISAN HADITH DI NUSANTARA

3.0 Pendahuluan.

Ketinggian dan ketamadunan sesebuah masyarakat dapat dilihat dan dinilai dengan memerhati dan mengkaji beberapa perkara yang dianggap tunggal ketamadunan dan kemajuan kepada satu-satu bangsa seperti cara hidup, pergaulan, pendidikan dan sebagainya.

Di negara kita, pencapaian dan kemajuan dalam bidang pendidikan yang berteraskan agama Islam yang dicapai pada hari ini adalah hasil daripada revolusi yang dimulakan oleh pelopor pendidik melayu Nusantara pada zaman dahulu seperti Syeikh Jamaluddin Abdullah, Syeikh Abdul Samad al-Palembānī, Syeikh Ahmad Arsyad al-Banjārī dan ramai lagi. Kemudian diteruskan oleh generasi berikutnya hingga ke hari ini dengan pelbagai kaedah atau acuan mengikut keperluan dan kaedah semasa.

Di sini penulis ingin paparkan personaliti atau sejarah ringkas salah seorang daripada mereka iaitu Syeikh Daud al-Faṭānī, sebagai renungan dan dorongan kepada generasi hari ini dalam memaju dan mendepani hala tuju negara khususnya dalam bidang pendidikan. Di samping itu juga, penulis ingin menonjolkan usaha-usaha beliau dalam mengembangkan ilmu di Nusantara ini, dengan memperkenalkan karya-karya beliau secara umumnya dan penulis akan mendetilkan karya beliau yang berjudul *al-Durr al-Thamīn*, ini adalah bertepatan dengan kajian penulis.

3.1 Riwayat Hidup Syeikh Daud Al-Faṭānī.

Syeikh Daud merupakan di antara ulama yang tersohor di alam Melayu sejak dahulu hingga sekarang. Kemasyhuran beliau tidak perlu dipertikaikan lagi terutamanya di kalangan pengkaji dan pencinta ilmu agama. Kealiman beliau dalam agama sangat terserlah, ini dapat dilihat dalam tulisan beliau dalam pelbagai bidang.

Riwayat hidup beliau sangat mengasyikkan untuk dibaca, dikaji dan ditelaah. Penulis akan paparkan riwayat hidup Syeikh Daud secara ringkas dan padat dengan menggunakan kata-kata yang mudah difahami. Ini akan dapat menambahkan lagi pengetahuan tentang sejarah hidup Syeikh Daud dengan lebih tepat dan mendalam. Selain daripada itu pembaca akan memperolehi gambaran yang konkrit tentang kesungguhan beliau dalam menuntut dan memperjuangkan ilmu, sikap hidup dan pandangan serta proses pembinaan peribadi beliau.

Segala peristiwa dan keadaan yang dihayati dan dilalui oleh beliau secara individual akan memberi gambaran yang jelas kepada pembaca tentang kehidupan para pelopor, pejuang ilmu dan keadilan di dunia ini.

3.1.1 Nama dan keturunan.

Dalam memperkatakan nasab dan keturunan Syeikh Daud, kita tidak terlepas daripada mengaitkannya dengan Kampung Kerisek di Patani. Pada zaman kebebasan Patani, pelabuhan Kerisek sentiasa didatangi oleh pedagang-pedagang yang datang dari serata dunia termasuklah juga dari Timur Tengah. Salah seorang daripada mereka ialah seorang ulama dari Hadramaut iaitu Syeikh Uthman yang menjadi agensi tunggal perniagaan dari Timur Tengah. Beliau mempunyai beberapa orang anak dan salah seorang daripadanya ialah datuk kepada Syeikh Daud al-Faṭāñi¹.

Menurut setengah daripada pendapat lain, Syeikh Daud merupakan titihan keturunan Faqih Ali. Nama penuh beliau ialah Wan Daud bin Wan Abdullah bin Wan Idris (juga dikatakan Wan Senik) bin Tok Wan Faqih Ali². Manakala keturunan di sebelah ibunya pula ialah Wan Fatimah anak kepada Wan Salamah anak kepada Wan Nisah isteri kepada Tuk Bendahara Wan Su bin Wan Yusuf bin Tok Wan Faqih Ali³. Sekiranya

¹ Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (1990M), *Syeikh Daud al-Faṭāñi Ulama Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Shah Alam: Pustaka Hizbi, hal. 21.

² Lihat Ismail Che Daud (1988M), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (I)*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, hal. 1.

³ Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (1990M), *op.cit.*, hal. 9.

pendapat ini benar, maka kedua-dua ibubapa Syeikh Daud adalah daripada keturunan Tok Wan Faqih Ali.

Pendapat lain pula ada mengatakan bahawa Syeikh Daud adalah daripada keturunan Sayyidina ‘Ali bin Abi Tālib⁴. Jika benar pendapat ini, beliau adalah berasal daripada keturunan Rasulullah s.a.w. Pendapat ini perlu diteliti, ini kerana ada kemungkinan terdapat penambahan fakta dikalangan murid-murid atau pengikut Syeikh Daud al-Fatani yang fanatik kepadanya. Orang selalunya akan mengaitkan Rasulullah s.a.w. dalam sesuatu perkara untuk meraih sokongan atau demi kepentingan individu dan kumpulan.

Jika diteliti kepada pendapat pertama dan kedua kita boleh satukannya mengikut andaian, mungkin Syeikh Uthman itu datuk kepada Syeikh Daud lebih jauh naik ke atas daripada Tok Wan Faqih Ali seperti yang dinyatakan pendapat yang kedua. Namun ianya perlu kepada penelitian dan bukti yang kukuh untuk mengaitkan Syeikh Daud dengan mana-mana nasab keturunan yang jauh daripadanya.

Syeikh Daud mempunyai lima orang adik beradik, iaitu Syeikh Wan Abdul Qadir, Syeikh Wan Idris, Syeikh Wan Abdul Rasyid dan seorang lagi tidak dapat dipastikan⁵. Beliau hanya dikenali dengan nama Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris Patani, sebagaimana yang terpapar

⁴ Lihat Wan Yahya Wan Ahmad (1981M), *Traditional Islamic And It's Modern Development In Kelantan*, University of Kent, hal. 197.

⁵ Lihat Ismail Che Daud, *op.cit*. hal.1.

dalam kebanyakan kitab tulisannya. Beliau juga dikenali sebagai Tok Syeikh Daud Patani.

3.1.2 Tempat Kelahiran.

Syeikh Daud merupakan seorang ulama yang terulung dan penulis yang produktif di Asia Tenggara. Beliau memberi sumbangan yang besar dalam pendidikan Islam. Kemasyhuran beliau terbukti apabila namanya telah muncul sebanyak dua kali dalam peperiksaan (S.T.P.M) bahagian kertas sejarah Islam, iaitu pada tahun 1978 dan 1981 masih⁶. Walaupun kemasyhuran Syeikh Daud melonjak pada kedudukan yang tinggi dan dikenali ramai tetapi masih terdapat di kalangan masyarakat kita yang tidak mengenalinya. Kebanyakan daripada kita hanya mengenali beliau sekadar namanya sahaja sebagaimana yang tertera dalam setiap kitab karangannya. Namun tidak ramai dari pengkaji yang berminat mengkaji tokoh ini.

Para penulis telah bersepakat mengatakan Syeikh Daud berasal dari Wilayah Patani, kemudian beliau berhijrah ke Mekah dan menetap di sana. Tidak hairanlah kebanyakan karangan beliau ditulis ketika berada di Mekah. Sesetengah pendapat lain pula mengatakan beliau telah menetap di Mekah pada awal kurun ke 13 Hijrah⁷.

⁶ *Ibid*

⁷ Lihat Leiden E.J Brill (1965M), *The Encyclopaedia Of Islam*, London, hal. 721.

Tempat kelahiran ulama besar pujangga Islam yang terkenal Syeikh Daud ialah di sebuah kampung bernama Kerisek yang terletak di wilayah Patani dan kedudukannya berhampiran dengan bandar Patani⁸. Di kampung Kerisek ini terdapat sebuah masjid tua yang masih belum siap pembinaannya, ada pendapat mengatakan ianya dibina pada zaman pemerintahan Long Yunus⁹. Masjid ini merupakan mercu tanda keagungan Islam di Patani. Walau bagaimana pun masjid itu dibiarkan usang begitu sahaja, sehinggalah pada tahun-tahun kebelakangan ini ianya dibaiki dan digunakan untuk beribadat. Sekarang ini ianya masih kukuh dan menjadi tempat persinggahan musafir untuk menunaikan sembahyang dan melihat kesan-kesan sejarah Patani.

Menurut pendapat lain pula, Syeikh Daud tidak dilahirkan di Kampung Kerisek tetapi beliau dilahirkan di Kampung Parit Marhum yang berhampiran dengan kampung Kerisek. Kedudukannya kira-kira tujuh kilometer ke selatan bandar Patani sekarang¹⁰.

Oleh kerana kedudukan kedua-dua kampung itu berhampiran, pada hemat penulis kemungkinan suatu ketika dahulu kedua-duanya adalah daripada

⁸ Lihat Engku Ibrahim (1992M), "Syeikh Daud: Satu Analisis Peranan Dan Sumbangan Terhadap Khazanah Islam Di Nusantara", Kertas Kerja, APM, UM, hal. 18.

⁹ Seorang Raja berketurunan melayu yang pernah memerintah di Patani, beliau memerintah selama sebelas bulan sahaja.

¹⁰ Lihat Ismail Che Daud, *op.cit* hal.1.

kampung yang sama. Dengan ini pendapat yang pertama didapati lebih tepat¹¹.

3.1.3 Tarikh Kelahiran.

Tarikh kelahiran Syeikh Daud sukar untuk dipastikan dengan tepat disebabkan kekurangan bahan rujukan. Terdapat beberapa pendapat yang menyebut mengenai tarikh kelahiran beliau yang mana berbeza di antara satu dengan yang lain. Di dalam buku karangan Hj. Wan Mohd Saghir “*Syeikh Daud Ulama Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*”, terdapat tiga tarikh kelahiran Syeikh Daud al-Faṭāñī. Di antaranya ialah pada tahun 1133 Hijrah bersamaan dengan 1718 Masihi, 1153 Hijrah bersamaan dengan 1738 Masihi dan 1183 Hijrah bersamaan dengan 1788 Masihi¹². Manakala menurut Ismail Che Daud pula, Syeikh Daud dilahirkan pada tahun 1769 Masihi¹³.

Tarikh kelahiran Syeikh Daud yang diberikan oleh beberapa penulis tadi mempunyai perbezaan yang begitu ketara iaitu pendapat yang mengatakan Syeikh Daud dilahirkan pada tahun 1718 Masihi dan pada tahun 1788 Masihi. Kedua-kedua tarikh ini begitu ketara perbezaannya iaitu lebih kurang 70 tahun.

¹¹ Ini berdasarkan pengamatan penulis kepada perkembangan keluaga Syeikh Daud bermula daripada datuk-datuk beliau sehingga kepadanya. Penyebaran ilmu datuknya yang bernama Tok Wan Faqih Ali juga banyak dikaitkan dengan tempat yang bermana Parit Marhum. Lihat Hj.Wan Mohd Saghir Abdullah (2001M), “*Seminar Pemikiran Ulama’ Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatoni*”, Kertas Kerja, Kolej Islam Prince of Songkla University Pattani, hal. 5 dan 6.

¹² Lihat Hj.Wan Mohd Saghir Abdullah (1990M), *op.cit.*, hal. 23.

¹³ Lihat Ismail Che Daud, *op.cit.*, hal. 2.

Penulis kurang bersetuju dengan pendapat yang diutarakan oleh Hj. Wan Mohd Saghir iaitu pada tahun 1718 Masihi bersamaan dengan 1133 hijrah. Antara alasan yang dapat menolak pendapat ini ialah melihat kepada kitab karangan Syeikh Daud, karangan beliau yang terawal ialah pada tahun 1810 Masihi¹⁴ atau pada tahun 1801 Masihi¹⁵. Jika dilihat kepada umur ketika beliau menulis kitab itu ialah 92 tahun atau 83 tahun dan usia ini sudah terlalu lanjut. Oleh itu amat sukar untuk menerima tarikh 1718 Masihi sebagai tarikh kelahiran beliau. Maka penulis lebih cenderung memilih tarikh 1769 dan 1788 Masihi sebagai tarikh kelahiran Syeikh Daud.

3.1.4 Pendidikan.

Syeikh Daud memulakan pengajian dengan mendapat pendidikan awal melalui kaum keluarga yang sudah terkenal dengan kealimannya, terutama bapa saudaranya iaitu Syeikh Ṣāfi al-Dīn¹⁶. Sebelum meneruskan pengajian ke Mekah, beliau dikatakan sempat belajar di Aceh¹⁷. Tetapi tarikh pemergiannya tidak diperolehi, yang pasti beliau pernah belajar di Aceh sebelum meneruskan pengajian ke Mekah.

¹⁴ Jika melihat kepada pandangan Abdullah al-Qārī iaitu kitab *Kifāyah al-Muhtāj*.

¹⁵ Jika melihat kepada pandangan Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah iaitu kitab *Farā'id Fawā'id al-Fikr fi al-Imām al-Mahdī*. Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2003M), "Majlis Tazkirah Tokoh Islam Steikh Daud al-Fatani Kali Ke 11", Kertas Kerja, Dewan Sekolah Menengah Sains Muar Tanjung Agas , Muar Johor, hal. 9.

¹⁶ Lihat Ismail Che Daud, *op.cit.*, hal. 4.

¹⁷ *Ibid*.

Sebagai usaha menambahkan ilmu pengetahuan, Syeikh Daud melanjutkan pengajiannya ke Mekah. Tetapi tarikh pemergian dan usia beliau tidak dapat dipastikan. Ketika berada di Mekah, beliau mula mendampingi ulama-ulama Patani yang menetap di sana. Di antaranya ialah Syeikh Ahmad Salih bin Abdul Rahman al-Fatāñi dan Syeikh Muhammad As'ad bin Syeikh Muhammad Said Tahir¹⁸. Di samping itu juga, beliau pernah belajar dengan ulama yang berasal dari Timur Tengah, termasuklah salah seorang tenaga pengajar di Universiti al-Azhar yang terkenal dengan gelaran Imam al-Syarqāwi (1150 - 1227 H).

Syeikh Daud berada di Mekah selama tiga puluh tahun dan di Madinah selama lima tahun. Secara keseluruhnya penulis dapat membahagikan sejarah pendidikan Syeikh Daud kepada tiga peringkat iaitu:

Peringkat pertama: Mula mendapat pendidikan asas agama di kampung sendiri melalui kaum keluarganya.

Peringkat kedua: Berangkat menuju ke Aceh dan menetap di sana selama beberapa tahun sebelum berangkat ke Mekah.

Peringkat ketiga: Belajar di timur tengah iaitu Mekah dan Madinah. Mekah merupakan tempat yang paling lama didiami oleh beliau.

Antara ulama dan pengarang yang sezaman dengan beliau ialah Abdullah bin Abdul Qadir Munsyi (1776 - 1854M), al-Marhum Raja Ali Raja Riau (lahir 1809M), Syeikh Abdullah bin Ismail (pengarang kitab

¹⁸ Lihat Ismail Che Daud, *op.cit.*, hal. 4.

Syīfā' al-Qulūb, ditulis pada tahun 1225H), Syeikh Muhammad bin Syeikh Khatib, Syeikh Jamaluddin Abdullah dan Syeikh Muhammad Ali Sumbāwi¹⁹.

Ketika Syeikh Daud berada di Mekah, selain daripada bertugas sebagai guru di Masjid Haram beliau juga dikatakan pernah menjadi syeikh haji iaitu mengendalikan orang-orang yang menunaikan ibadah haji²⁰.

3.1.5 Pulang ke Patani.

Menurut sesetengah pendapat, Syeikh Daud dikatakan pernah pulang ke kampungnya sebanyak tiga kali. Kepulangan beliau pada kali pertama ialah sekitar tahun 1820 masihi, pada tahun tersebut Syeikh Daud telah melakukan kunjungan ke Asia Tenggara khususnya Sambas di Kalimantan. Keterangan ini berdasarkan kepada kitab *Diyā' al-Murid* yang ditulis ketika beliau berada di Sambas iaitu di Kampung Parit Dalam, tetapi tarikh penulisannya tidak tercatat. Beliau juga dikatakan tidak menulis sekitar tahun 1234-1237 Hijrah (1819-1821M)²¹.

Kepulangan beliau pada kali kedua ialah pada tahun 1831 dan 1832 Masihi bertujuan untuk memberi sokongan kepada penduduk Patani yang sedang menghadapi perang melawan pihak Siam, tetapi kepulangan

¹⁹ Lihat Abdullah al-Qārī (1967M), “*Pujangga Syeikh Daud al-Fatani*”, Majalah Dian, bil. 10, hal. 137.

²⁰ Lihat Hj Wan Mohd Saghir Abdullah (1990M), *op.cit.*, hal. 26.

²¹ Lihat Ismail Che Daud, *op.cit.*, hal. 12.

beliau agak terlambat kerana ketika itu pihak Siam telah menewaskan Patani. Akibatnya beliau dan rombongannya mengambil keputusan berundur ke Pulau Duyung, Terengganu untuk mencari tempat perlindungan daripada pihak musuh. Beliau tinggal di sana hanya untuk sementara waktu sahaja sebelum kembali semula ke Mekah.

Manakala kepulangan beliau yang terakhir pula sekitar tahun 1845 dan 1846 Masihi. Beliau pulang ke Tanah Jawi kira-kira setahun setengah sebelum tarikh kematiannya (1847 M) dan tujuan kepulangannya pada kali ini tidak dapat dipastikan²².

3.1.6 Karya-karya Beliau.

Syeikh Daud merupakan salah seorang ulama Patani yang banyak menghasilkan kitab dalam pelbagai bidang seperti fekah, usuluddin atau akidah dan tasawuf. Kebanyakan daripada karya beliau ditulis menggunakan bahasa Melayu jawi. Apabila diteliti karyanya, menunjukkan bahawa beliau seorang yang alim dalam bidang keagamaan, lebih-lebih lagi bidang fekah. Kebanyakannya pendapat di dalam kitab-kitab fekah yang dihasilkannya berdasarkan kepada pendapat ulama-ulama mazhab Syafi'i. Ini kerana beliau sendiri bermazhab Syafi'i. Manakala dalam bidang akidah pula beliau telah mengutip pandangan yang dikemukakan oleh Abū al-Hasan al-Asy'arī dan menolak pendapat yang dikemukakan oleh puak

²² Lihat Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (1990M), *op.cit.*, hal. 26.

*Mu'tazilah*²³. Ini kerana tasawuf yang diambil oleh beliau berdasarkan kepada Imam al-Ghazālī dan mengambil tasawuf falsafah seperti Ḥamzah al-Fansūrī dan Shamsuddin al-Sumatrāī yang mengikut jejak al-Hallāj²⁴ dan Maḥy al-Dīn Ibn ‘Arabī²⁵.

Mengikut sumber bertulis yang diperolehi daripada Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah al-Faṭānī menyatakan bahawa karya beliau yang terawal dihasilkan ialah pada tahun 1215 Hijrah dan yang terakhir ditulis ialah pada tahun 1259 Hijrah²⁶. Manakala menurut Abdullah al-Qārī pula, karyanya yang terawal ialah kitab *Kifāyah al- Muhtāj* (كفاية المحتاج) dan *Idāh al-Bāb*

(إضاح الباب), kedua-dua kitab itu dihasilkan pada tahun 1224 hijrah dan

yang terakhir ialah kitab ‘*Bahjah al-Mardiyah*’ (بحجة المرضية), iaitu pada tahun 1259 Hijrah²⁷. Kitab Syeikh Daud dicetak di merata tempat dan di antara karya beliau yang paling awal dicetak ialah kitab ‘*Jam‘ al-Fawā'id*

²³ Lihat Wan Yahya Wan Ahmad, *op.cit.*, hal. 199.

²⁴ Nama penuh beliau ialah Husayn Ibn Mansūr al-Hallāj, beliau dilahirkan di Bayda, Parsi, merupakan seorang ahli falsafah dan salah seorang daripada ahli tasawuf yang berfahaman Uluhiyyah. Antara kitabnya ialah *Qur'an al-Qur'an* dan *al-Furqān*. Meninggal dunia pada tahun 309 hijrah.

²⁵ Nama penuh beliau ialah Maḥy al-Dīn Ibn ‘Abd Allāh Muhammad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad Ibn ‘Arabī, dilahirkan pada 560 Hijrah di Murcia, Sepanyol. Dikenali sebagai Syaykh al-Akbar. Kitabnya yang mashyur ialah *al-Futūḥāt al-Makīyyah*.

²⁶ Ini jika di lihat kepada tarikh penulisan yang diperolehi sehingga kini dan tidak dikira tarikh yang belum dijumpai.

²⁷ Lihat Abdullah al-Qārī, *op. cit.*, hal. 132.

(جُمُعُ الْفَوَادِ) dan 'Bahjah al-Saniyyah' yang dicetak pada tahun 1303 hijrah²⁸.

Para pengkaji yang membuat kajian mengenai penulisan ulama Patani terutama penulisan yang dihasilkan oleh Syeikh Daud al-Faṭāñī mereka tidak sependapat dalam menentukan bilangan karyanya.. Di bawah ini penulis senaraikan karangan beliau berdasarkan pendapat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah al-Faṭāñī mengikut urutan tahun selesai penulisan tersebut, iaitu sebanyak enam puluh enam naskhah²⁹, senarai tersebut ialah³⁰:

1. *Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdī* (فوائد الفكر في الإمام المهدى) ditulis pada tahun 1215 Hijrah.
2. *Kifāyah al-Muḥtāj* (كفاية الحاج) ditulis pada tahun 1224 Hijrah.
3. *Idāh al-Bāb* (إضاح الباب) ditulis pada tahun 1224 Hijrah.
4. *Nahj al-Rāghibīn* (نفح الراغبين) ditulis pada tahun 1226 Hijrah.

²⁸ Ismail Che Daud, *op.cit.*, hal. 37.

²⁹ Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (1990M), *op.cit.*, hal 56. Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2003 M), "Majlis Tazkirah Tokoh Islam Syeikh Daud al-Fatani Kali Ke 11", Kertas Kerja, hal. 9.

³⁰ Di sini penulis nyatakan 64 buah sahaja, ini kerana sehingga tesis ini ditulis Hj. Wan Mohd Saghir tidak nyatakan sepenuhnya dalam tulisan atau risalahnya dan beliau akan muatkan dalam tulisannya yang akan datang. Lihat *ibid.*

5. *Ghāyah al-Taqrīb* (غاية التقریب) ditulis pada tahun 1226 Hijrah.
6. *Bulūgh al-Marām* (بلغ المرام) ditulis pada tahun 1227 Hijrah.
7. *Ghāyah al- Marām*³¹ (غاية المرام) ditulis pada tahun 1229 Hijrah.
8. *Al-Durr al-Thamīn* (الدر الثمين) ditulis pada tahun 1232 Hijrah.
9. *Nahj al-Rāghibīn* (11) (نَهْجُ الرَّاغِبِينَ (11)) ditulis pada tahun 1232 Hijrah.
10. *Diyā' al-Lum'ah* (ضياء اللمعة) ditulis pada tahun 1232 Hijrah.
11. *'Ilm al-Taṣawwuf* (علم التصوف) ditulis pada tahun 1233 Hijrah.
12. *Saudagar miskin*³² (سوداكر مسکین) ditulis pada tahun 1233 Hijrah.
13. *Tuhfah al-Rāghibīn* (I) (تحفة الراغبين(1)) ditulis pada tahun 1233 Hijrah.
14. *Tuhfah al-Rāghibīn* (II) (تحفة الراغبين(11)) ditulis pada tahun 1234 Hijrah.

³¹ Atau dikenali juga dengan *Manāsik al-Hajj wa al-'Umrah* (مَانَاسِكُ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةِ).

³² Kitab ini juga dikenali dengan nama *Saudagar Yahya* (سوداكر يحيى).

15. *Musawwadah* (مسودة) ditulis pada tahun 1234 Hijrah.
16. *Kashf al-Ghumma* (كشف الغمة) ditulis pada tahun 1238 Hijrah.
17. *Jam' al-Fawā'id* (جمع الفوائد) ditulis pada tahun 1239 Hijrah.
18. *Kanz al-Minan* (كنز المنن) ditulis pada tahun 1240 Hijrah.
19. *Riyāḍ al-Nūfūs al-Zākiyyah* (رياض النفوس الزكية) ditulis pada tahun 1240 Hijrah.
20. *Minhāj al-Ābidīn* (منهاج العابدين) ditulis pada tahun 1240 Hijrah.
21. *Munyah al-Muṣallī* (منية المصلي) ditulis pada tahun 1242 Hijrah.
22. *Hidāyah al-Muta'allim* (هداية المتعلم) ditulis pada tahun 1244 Hijrah.
23. *Iqdah al-Jawāhir* (عقدة الجواهر) ditulis pada tahun 1245 Hijrah.
24. *Wird al-Zawāhir* (ورد الزواهر) ditulis pada tahun 1245 Hijrah.
25. *Fath al-Mannān* (فتح المنان) ditulis pada tahun 1249 Hijrah.

26. *Mudhākarah al-Ikhwān* (مذاكرة الإخوان) ditulis pada tahun 1249

Hijrah.

27. *Al-Jawāhir al-Saniyyah* (الجوادر السنوية) ditulis pada tahun 1252

Hijrah.

28. *Sullam al-Mubtadi* (سلم المبتدى) ditulis pada tahun 1252 Hijrah.

29. *Furu' al- Masā'il* (فروع المسائل) ditulis pada tahun 1254 Hijrah.

30. *Bahjah al- Saniyyah* (مكحنة السنوية) ditulis pada tahun 1258 Hijrah.

31. *Bahjah al-Mardiyah* (مكحنة المرضية) ditulis pada tahun 1259 Hijrah.

32. *Al-Bahjah al-Wardiyyah* (البهجة الوردية) ditulis pada tahun 1259

Hijrah.

33. *Bughyah al-Tullāb* (بغية الطلاب) tarikh tidak diperolehi.

34. *Manhal al-Ṣāfi* (منهل الصاف) tarikh tidak diperolehi.

35. *Al-Qurb ilā Allāh* (القرب الى الله) tarikh tidak diperolehi.

36. *Al-Šayd wa al-Zābā'iḥ* (الصيد والربائح) tarikh tidak diperolehi.

37. Al-Tanbih (التبيه) tarikh tidak diperolehi.
38. Bisyārah al-Ikhwān (بشاره الاخوان) tarikh tidak diperolehi.
39. *Diyā' al-Murīd* (ضياء المريد) tarikh tidak diperolehi.
40. Fatwa Berjual Beli Dengan Kafir (فتوى برجوال بلي دغن كافير) tarikh tidak diperolehi.
41. Hikayat Laki-Laki Salih (حكایة للاکی صالح) tarikh tidak diperolehi.
42. Hukum Haid dan Istihadhah (حکوم حیض دان استحاضه) tarikh tidak diperolehi.
43. *Jināyah al-Taktūb* (جنایة التکتوب) tarikh tidak diperolehi.
44. *Kayfiyyah Khatam al-Quran* (كيفية ختم القرآن) tarikh tidak diperolehi.
45. *Kifāyah al-Jawīyyah* (كفاية الجوية) tarikh tidak diperolehi.
46. *Kifāyah al-Mubtadi* (كفاية المبتدى) tarikh tidak diperolehi.
46. *Kayfiyyah Ṣalāh al-Tarāwīḥ* (كيفية صلاة التراویح) tarikh tidak diperolehi.
47. Kisah Nabi Yusuf (قصة نبی یوسف) tarikh tidak diperolehi.
48. *Mtan al-Hikam li al-'Alāmah Ibn Ruslān al-Dimasyqī*

(متن الحكم للعلامة ابن روسان الدمشقي) tarikh tidak diperolehi.

49. *Muqaddimah al-Kubrā* (مقدمة الكبرى) tarikh tidak diperolehi.

50. *Nubdhah fī Bayān Syuriūt al-Juma'ah*

(نبذة في بيان شروط الجمعة) tarikh tidak diperolehi.

51. Perhubungan *Bughyah al-Tullāb* (فرهبوغن بغية الطلاب) tarikh tidak

diperolehi.

52. *Qism al-Zakāh Bayn al-'Aṣnāf* (قسم الزكاة بين الأصناف) tarikh tidak

diperolehi.

53. *Risālah al-Masā'il* (رسالة المسائل) tarikh tidak diperolehi.

54. *Risālah al-Sā'il* (رسالة السائل) tarikh tidak diperolehi.

55. *Risalah Jawab Persoalan* (رساله جواب فرسوالين) tarikh tidak diperolehi.

56. *Risālah Tariqah al-Syatāriyyah wa al-Samāniyyah*

(رسالة طريقة الشطارية والسمانية) tarikh tidak diperolehi.

57. Risalah Kelebihan *Basmalah* (رساله كليهن بسمله) tarikh tidak diperolehi.
58. Risalah Kelebihan *Hamdaloh* (رساله كليهن حمدله) tarikh tidak diperolehi.
59. Sifat Dua Puluh (صفة دوا فولوه) tarikh tidak diperolehi.
60. *Tanbih al-Għafilin* (تنبيه الغافلين) tarikh tidak diperolehi.
61. *Ta'alluq bi Kalimah al-Imān* (تعلق بكلمة الإيمان) tarikh tidak diperolehi.
62. *Ta'liq al-Laṭīf* (تعليق اللطيف) tarikh tidak diperolehi.
63. Terjemah *Bidāyah al-Hidāyah* (ترجمة بداية الهدایة) tarikh tidak diperolehi.
64. *Waṣāyā al-Abrār wa Mawā'iż al-Akhyār* (وصايا الأبرار ومواعظ الأخيار) tarikh tidak diperolehi.

3.1.7 Guru dan Muridnya.

Syeikh Daud mendapat pendidikan awal daripada ahli keluarganya sendiri kemudian beliau melanjutkan pengajiannya ke Aceh dan Timur Tengah dengan ramai ulama yang terbilang dan terkemuka. Antara guru-gurunya ialah:

1. Ayah dan datoknya sendiri.
2. Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asy'i.
3. Syeikh Muhammad Saleh bin Abdul Rahman al-Fa'tani.
4. Syeikh Ali bin Ishaq al-Fa'tani.
5. Syeikh Muhammad bin 'Abd al-Karim Sammān al-Madani.
6. Syeikh Muhammad As'ad.
7. Syeikh Sayyid Muhammad al-Syārif al-Marzūqi dan ramai lagi³³.

Murid dan pengikut Syeikh Daud terlalu ramai, di bawah ini adalah antara nama murid-muridnya yang terkenal, iaitu:

1. Syeikh Abdul Halim Kelantan.
2. Sultan Muhammad Safiuddin Sambas.
3. Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fa'tani.
4. Syeikh Abdul Samad Pulai Condong Kelantan.
5. Raja Haji Ahmad bin Raja Haji Riau.
6. Syeikh Ali bin Ishaq al-Fa'tani dan ramai lagi³⁴.

3.1.8 Kewafatannya.

Selepas hampir berpuluhan tahun Syeikh Daud menghabiskan usianya dengan menulis kitab, satu ketika pada musim panas semasa berada di Tā'if (120 kilometer dari bandar Mekah) beliau telah jatuh sakit. Keuzuran yang dialaminya berlarutan sehingga beberapa hari, tidak lama kemudian beliau meninggal dunia di Tā'if dan dikebumikan di sebelah makam 'Abd

³³ lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (1990M), *op.cit.*, hal. 32.

³⁴ *Ibid*, hal. 42.

Allāh Ibnu ‘Abbās. Malangnya tarikh kematian beliau tidak dapat dipastikan dengan tepat. Menurut Hj. Wan Mohd Saghir, Syeikh Daud al-Faṭāñī meninggal dunia sekitar tahun 1847 Masihi³⁵. Pada ketika itu umurnya lebih kurang 78 tahun, ini berdasarkan kepada tarikh lahir beliau yang disebut oleh Ismail Che Daud iaitu pada tahun 1769 Masihi iaitu bersamaan 1164 Hijrah.³⁶

Kematian Syeikh Daud merupakan satu kehilangan yang amat dirasai terutama dalam bidang pendidikan dan penulisan. Walaupun beliau telah meninggal dunia, tetapi karya peninggalan beliau tetap dimanfaatkan oleh umat Islam. Ini merupakan sumbangan paling berharga yang ditinggalkan oleh beliau dan ia menjadi kegunaan pada setiap masa dan jasanya tidak akan dapat dilupakan.

3.2 Latar Belakang Kitab Kajian.

Kitab yang akan pengarang bincangkan nanti adalah salah satu daripada karya Syeikh Daud al-Faṭāñī yang masyhur, iaitu *al-Durr al-Thamīn*. Kitab ini merupakan salah sebuah karya beliau yang paling banyak dicetak di samping karya-karyanya yang lain seperti *Munyah al-Muṣallī* dan sebagainya³⁷. Ia juga merupakan antara kitab yang menjadi tumpuan para pengkaji ilmu agama, terutamanya dalam bidang akidah.

³⁵ *Ibid*, hal. 24.

³⁶ Lihat Ismail Che Daud, *op. cit.*, hal. 4.

³⁷ Sebuah karangan Syeikh Daud yang membincangkan mengenai sembahyang.

Kitab ini mengandungi 82 hadith kesemuanya, kebanyakannya hadith diriwayatkan dalam bahasa Arab dan sebahagian lagi diriwayatkan dalam bahasa Melayu.

Naskah yang menjadi bahan rujukan asas penulis ialah kitab yang dicetak oleh percetakan *al-Mu'ārif* Sdn. Bhd. Pulau Pinang. Kitab ini ditulis dengan menggunakan bahasa jawi bertaip sempurna dan mengandungi 103 halaman dengan 35 baris satu halaman (kebanyakannya).

3.2.1 Nisbah Kepada Syeikh Daud.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa kitab *al-Durr al-Thamīn* merupakan salah satu daripad hasil karya Syeikh Daud al-Faṭāñī dalam bidang akidah. Pengesahan kitab ini sebagai hasil karya beliau merupakan suatu perkara yang tidak ada khilaf lagi dikalangan para pengkaji sejarah khususnya yang mengkaji sejarah tentang beliau seperti Hj. Wan Mohd Saghir dan lain-lain.

Malahan perkara ini juga dinyatakan sendiri oleh Syeikh Daud di permulaan dan penutup kitabnya ini. Di muqaddimahnya, beliau berkata :

“... telah bergerak-gerak hatiku yang lemah dan akalku yang pendek bahawa aku hendak menghimpunkan beberapa kalam ulama yang muhaqqiqin pada bicara ilmu Usuluddin dan ‘Aqā’id Ahl al-Tawhīd dan aku sabitkan permata lu’lu’nya dan aku tinggalkan ṣadfnya yakni kulitnya hal keadaan menggemarkan bagi orang yang menuntut”³⁸

³⁸ Syeikh Daud al-Faṭāñī (t.t), *al-Durr al-Thamīn*, Percetakan al-Mu'ārif, Pulai Pinang, hal. 2.

Sementara di akhir kitab pula, beliau berkata :

“ ... telah selesai faqir al-muhtaj ilā rahmat rabbih al-ghani Daud bin Abdullah daripada menterjemahkan al-Durr al-Thamīn fī Bayān ‘Aqā’id al-Mu’mīn .. ”³⁹

3.2.2 Judul Kitab

Judul lengkap kitab sebagaimana yang tertera dalam kitab ini ialah *al-Durr al-Thamīn fī ‘Aqā’id al-Mu’mīn*, iaitu Permata Yang Berharga Pada Menyatakan Iktikad Orang Yang Mukmin. Ini diterangkan sendiri oleh beliau pada permulaan kitab, dengan katanya :

“ ... dan aku namai akan dia Durr al-Thamīn Pada Menyatakan Iktikad Orang Yang Mukmin dan aku harap akan Allah subḥānah wa Ta’ālā taufiq dan bahawa dijadikan pahalanya hadiah kepada roh penghulu kita Nabi Muhammad s.a.w ... ”⁴⁰

3.2.3 Tarikh Penulisan

Kitab ini ditulis semasa beliau berada di Mekah, penulisannya bermula pada tahun 1232 Hijrah⁴¹ dan selesai pada waktu Zohor hari Sabtu 17 Syawal tahun 1232 Hijrah bersamaan dengan 1818 Masihi. Tarikh penulisan kitab ini

³⁹ *Ibid*, hal. 103.

⁴⁰ *Ibid*, hal. 3.

⁴¹ Bulan dan haribulan tidak dinyatakan di dalam naskhah asal, *ibid*. hal. 2.

diyakini tepat berdasarkan kepada catatan yang ditulis pada awal dan akhir penulisan kitab tersebut. Ini adalah kata-kata beliau di awal kitab :

“ .. dan kemudian daripada itu maka tetekala adalah pada tahun seribu dua ratus tiga puluh dua daripada hijrah Nabi atasnya itu yang terlebih afdal selawat dan salam telah bergerak-gerak hatiku yang lemah dan akalku yang pendek bahawa aku hendak menghimpunkan beberapa kalam ulama yang muhaqqiqin pada bicara ilmu Usuluddin dan ‘Aqā’id Ahl al-Tawhīd.. ”⁴²

Sementara di akhir kitab pula, beliau berkata :

“ ...telah selesaiyah faqīr al-muhtāj ilā rahmat rabbih al-ghani Daud bin Abdullah daripada menterjemahkan al-Durr al-Thamīn fī Bayān ‘Aqā’id al-Mu’mīnīn pada waktu Zohor pada hari Sabtu tujuh belas haribulan Syawal di negeri Mekah al-Musyarrrafah pada Hijrah Nabi s.a.w. dua ratus tiga puluh dua ... ”⁴³

Menurut Snourck Hugronje, kitab ini sudah terdapat di Kota Mekah semenjak tahun 1880-an lagi⁴⁴.

⁴² *Ibid*, hal. 2.

⁴³ *Ibid*, hal. 103.

⁴⁴ Lihat Engku Ibrahim Engku Ismail (1992M), “*Syeikh Daud al-Faqāñi: Satu Analisis Peranan Dan Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam Di Nusantara*”, Kertas Kerja, APM UM, hal. 35.

3.2.4 Kandungan Kitab Secara Umum

Hampir keseluruhan isi kandungan kitab ini tertumpu kepada perbincangan mengenai akidah dengan memberi penekanan kepada beberapa aspek, iaitu :

- Pertama : Sifat-sifat yang wajib, harus dan mustahil bagi Allah SWT⁴⁵.
- Kedua : Sifat-sifat yang wajib, harus dan mustahil bagi Rasul⁴⁶.
- Ketiga : Perkara-perkara *sam'iyyāt* yang wajib dipercayai⁴⁷.
- Keempat : Perbincangan tentang kalimah syahadah⁴⁸.

Penulis dapati, dalam menulis kitab ini Syeikh Daud menyandarkan perbahasan kitab kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut penjelasan yang diutarakan oleh Abū Ḥasan al-Asy'arī. Beliau merupakan seorang *Mujaddid* atau *Muhyī* (penghidup atau pelopor) kepada mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah⁴⁹.

Kitab ini pada permulaannya mengupas tentang sepuluh perkara asas yang perlu ada pada satu-satu ilmu, iaitu takrif, tajuk perbincangan, pengasas atau pendokong, nama, tujuan, hukum mempelajari, pengertian, tempat ambil

⁴⁵ *Ibid*, hal. 18 – 56

⁴⁶ *Ibid*, hal. 56 – 70.

⁴⁷ *Ibid*, hal. 76 - 83

⁴⁸ *Ibid*, hal. 84 - 90

⁴⁹ *Ibid*.

atau sumber, faedah dan kategori satu-satu ilmu. Kemudian diikuti perbahasannya dengan menerangkan perkara-perkara berikut:

1. Takrif ilmu secara mendalam (halaman 4 – 5).
2. Darjat dan jenis iman manusia (halaman 5 – 13).
3. Sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT serta perkara-perkara yang berkaitan dengan sifat tersebut (halaman 18 – 56).
4. Kenabian dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya (halaman 56 – 68).
5. Peristiwa yang akan berlaku selepas daripada mati (halaman 70- 74).
6. Fadilat ilmu dan kelebihan ulama (halaman 74 – 76).
7. Perkara *sam'iyyāt* yang wajib dipercayai (halaman 76 – 83).
8. Perbahasan mengenai kalimah syahadah (halaman 84 – 88).
9. Golongan yang berjaya dan gagal atau celaka (halaman 98 – 103).

Kitab ini diakhiri dengan huraian secara ringkas tentang puak (*firqah*) yang berjaya iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah⁵⁰.

3.2.5. Naskah Yang menjadi Rujukan

Naskah yang menjadi bahan rujukan asas penulis ialah kitab yang dicetak oleh percetakan *al-Mu'ārif* Sdn. Bhd. Pulau Pinang. Kitab ini ditulis dengan menggunakan bahasa jawi bertaip sempurna dan mengandungi 103 halaman dengan 35 baris satu halaman (kebanyakannya).

⁵⁰ *Ibid*, hal.94.

Kajian yang diperolehi mendapati kitab *al-Durr al-Thamīn* mempunyai pelbagai cetakan. Ada di antara naskah kitab ini dicetak di *Dār Ihyā'*, Mesir. Sebahagian naskah yang lain pula dicetak di Pulau Pinang dan Singapura. Kitab ini juga dicetak di Bombay, Turki dan lain-lain lagi. Bagaimana pun tulisannya yang tertua dicetak di Mekah oleh percetakan *al-Ma'rif* pada tahun 1320 Hijrah bersamaan dengan 1902 Masihi⁵¹. Berdasarkan tarikh percetakan awal ini ada percanggahan dengan tarikh yang disebut oleh Snourck Hugronje, ini berkemungkinan kitab yang disebut oleh Snourck Hugronje merupakan tulisan tangan Syeikh Daud al-Fatāñī dan tarikh yang paling awal kitab itu dicetak ialah pada tahun 1320 Hijrah.

Hampir keseluruhan kitab ini tertumpu kepada perbincangan mengenai akidah atau tauhid, manakala pada *Hāsyiyah* (tepi) kitab ini terdapat risalah yang berjudul *Diyā' al-Murīd fī Ma'rīfah al-Tawhīd*⁵², ia juga membicarakan tentang akidah⁵³. Pada masa kini, kitab *al-Durr al-Thamīn* masih dicetak dan digunakan oleh masyarakat serta senang didapati dipasaran. Ini adalah hasil daripada sifat prihatin masyarakat Islam tentang pentingnya ilmu pengetahuan berkenaan agama Islam khususnya yang berkaitan dengan akidah Islam, tambahan pula kebanyakan institusi pengajian pondok menggunakan kitab ini sebagai teks dalam pengajian ilmu akidah.

Naskah kitab ini juga terdapat di Perpustakaan Utama Universiti Malaya yang dicetak di Pulau Pinang di bawah catatan BP 166.2 Dau.

⁵¹ Lihat Engku Ibrahim Engku Ismail, *op.cit.*, hal. 35.

⁵² Sebuah kitab karangan Syeikh Daud membincangkan mengenai tauhid dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

⁵³ Lihat Syeikh Daud al-Fatāñī, *op.cit.*, hal. 4.

Manuskripnya pula terdapat di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, bersama beberapa manuskrip Islam (M.I) yang lain. Kitab ini berada di bawah nombor 64.153 dan 253. Manakala di Muzium Islam terdapat dua naskah manuskrip Islam (M.I) di bawah nombor 53 dan 446⁵⁴. Naskah M.I yang bernombor 53 dipercayai adalah karya Syeikh Daud al-Faṭānī, Kandungan naskhah itu setebal 138 halaman dan keadaan fizikal kitab itu tidak lengkap. Manakala naskah M.I yang bernombor 446 pula hanya setebal 24 halaman sahaja, keadaan fizikal manuskrip itu juga tidak lengkap dan tidak mempunyai judul, tetapi berdasarkan kandungannya itu besar kemungkinan manuskrip itu adalah manuskrip kitab *al-Durr al-Thamīn* hasil penulisan Syeikh Daud al-Faṭānī⁵⁵.

3.2.6. Metodologi Penulisan Kitab

Perbincangan mengenai metodologi penulisan meliputi susunan kitab secara umum, gaya bahasa yang digunakan, metod penulisan hadith, kedudukan dan jenis-jenis hadith.

Kitab *al-Durr al-Thamīn* dikarang menggunakan bahasa Melayu Jawi dan memakai judul dalam bahasa Arab yang menarik. Jika diterjemahkan dalam bahasa Melayu, ianya bererti *Permata Yang Berharga*. Berdasarkan judul kitab ini memperlihatkan kepada kita betapa penting dan perlunya seseorang Muslim menguasai dan memiliki akidah yang betul, seumpama permata yang pastinya menjadi idaman dan rebutan manusia.

⁵⁴ Lihat Engku Ibrahim Engku Ismail dan Osman Bakar (1992M), *Biografi Manuskrip Islam Di Muzium Islam*, Bahagian Hal Ehwal Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dan APM, UM, hal. 58.

⁵⁵ *Ibid.*

Syeikh Daud yang menulis kitabnya dengan bahasa Arab dan bahasa Melayu (Jawi) ini memulakannya dengan muqaddimah atau khutbah kitab yang mengandungi *basmalah*, puji-pujian terhadap Allah SWT serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. kemudian beliau menyatakan kepentingan akidah serta tarikh beliau mula menulis. Selepas itu dinyatakan judul kitab dan dinyatakan syarat atau perkara asas untuk menuntut ilmu, kemudian diuraikan sifat wajib bagi Allah dengan dijelaskan satu persatu berserta dengan dalil-dalilnya *naqli* dan *'akli*. Kemudian dinyatakan perkara mustahil bagi Allah, beriman dengan Rasul-rasul Allah dan Malaikatnya. Pada bahagian kedua kitab beliau nyatakan fadilat ilmu dengan menulis berkenaan *al-Targhib wa al-Tarhib*. Di bahagian akhir kitab khatimah atau penutut, di ceritakan mengenai kebesaran dan kekuasaan Allah kemudian diikuti dengan puak-puak yang berjaya dan yang celaka sebelum disudahi dengan puji-pujian bagi Allah selawat serta salam ke atas junjungan Nabi kita Muhammad s.a.w. dan tarikh selesai menulis.

Gaya bahasa yang menarik terserlah apabila membaca kandungan kitab ini. Penulisan yang dipengaruhi bahasa Arab menambahkan kehalusan bahasanya dan mampu menambat hati pembaca. Di samping itu juga, pembaca akan dapat meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab yang diselit bersama bahasa Melayu yang terdapat dalam penulisan kitab ini, dan ini adalah manhaj yang selalu diguna oleh Syeikh Daud dalam penulisan beliau, khususnya dalam kitabnya ini. Contohnya seperti :

*“Tiada mengena akan hamba itu duka cita atau keluh kesah atau *ḥuzn*⁵⁶”.*

Perkataan *ḥuzn* berasal daripada bahasa Arab (حزن) yang bererti sedih, kecewa atau duka cita. Keunggulan pengarang kitab ini terserlah apabila ia mampu membawa pembaca tertarik dengan bahasa yang digunakannya, kemahiran beliau dalam bahasa Arab amat dikagumi.

Terdapat juga penggunaan tulisan jawi lama (klasik) dalam kandungan kitab ini, antaranya ialah :

Tulisan Jawi Klasik	Tulisan Jawi Baru	Tulisan Rumi
سات ⁵⁷	ساتو	Satu
لکي ⁵⁸	لاكي	Lagi
مات ⁵⁹	مات	Mata

Walaupun pada permulaannya sukar bagi setiap pembaca untuk membaca dan memahami isi kandungan kitab ini, tetapi apabila dibaca dengan berulang kali, ianya akan mampu dibaca dan difahami dengan baik.

⁵⁶ Lihat Syeikh Daud al-Faṭāñi, *op.cit.*, hal. 4.

⁵⁷ *Ibid*, hal. 4

⁵⁸ *Ibid*, hal. 5

⁵⁹ *Ibid*, hal. 3

Syeikh Daud mengupas persoalan-persoalan yang dibentangkan dalam kitab beliau dengan jelas dan teliti, ada kalanya beliau pamerkan pendapat mazhab-mazhab Islam kemudian menolak pendapat-pendapat tersebut dengan mendatangkan nas atau dalil sebagai sandaran kepada penjelasan yang beliau utarakan. Contohnya dalam masalah perbuatan hamba yang menjadi perdebatan di antara beberapa mazhab. Syeikh Daud menolak pendapat *Jabariyah* dan *Qadariyah* dengan berpegang kepada mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah⁶⁰. Pada sesetengah tempat yang lain pula beliau datangkan masalah atau persoalan berkenaan perkara yang dibincangkan kemudian beliau selesaikan masalah atau jawab persoalan tersebut. Ini adalah untuk mempelbagaikan maklumat dalam satu-satu perbincangan.

Untuk mengindahkan lagi pertengahan kitab, Syeikh Daud telah menggunakan tanda atau ungkapan khusus dalam kupasan dan perbincangan kitab tersebut. Beliau meletakkan tanda-tanda ini dalam kurungan (.....), antaranya ialah :

- 1) Syahdan (شهدان).

Untuk menerangkan secara terperinci perkara yang telah diterangkan oleh beliau secara umum atau sepintas lalu⁶¹.

- 2) Faedah (فائد).

⁶⁰ *Ibid*, hal.47.

⁶¹ *Ibid*, hal 4.

Untuk memulakan perbincangan isi kandungan yang baru dalam masalah yang sama atau yang berlainan. Ia juga digunakan pada perkara yang khilaf ulama⁶².

3) Masalah (مسألة).

Untuk menerangkan maklumat lanjutan satu-satu tajuk, sama ada dengan menyatakan pendapat ulama, mazhab-mazhab Islam dan sebagainya tentang masalah tersebut⁶³.

4) Soal (سؤال).

Untuk menyatakan pertanyaan atau andaian persoalan yang dikemukakan berkenaan dengan masalah yang dibincangkan⁶⁴.

5) Jawab (جواب).

Untuk menjawab pertanyaan atau andaian persoalan tersebut⁶⁵.

6) Maka, Bahwasanya (بஹاسن) (مك).

Kedua-dua ungkapan tersebut hendak menunjukkan selesainya satu-satu perbincangan dan akan mulai perbincangan yang baru⁶⁶.

7) Dan, Dan Lagi, Dan Demikian Lagi, Maka

(دان ، دان لاك ، دمكينلاك ، مك).

⁶² *Ibid*, hal. 7.

⁶³ *Ibid*, hal. 7, 11.

⁶⁴ *Ibid*, hal. 11.

⁶⁵ *Ibid*.

⁶⁶ *Ibid*, hal. 7.

Untuk menyatakan pendapat lain atau perbincangan yang lain dalam masalah yang sama⁶⁷.

8) Kata (كَاتِ).

Untuk menerangkan pendapat ulama dalam masalah yang sama⁶⁸.

Metod Syeikh Daud dalam mengemukakan hadith-hadith Nabi s.a.w. dapatlah penulis simpulkan ianya berdasarkan kepada pelbagai sumber tetapi yang menjadi asasnya ialah kepada *Kutab al-Sittah* disamping kitab-kitab *Targhib wa al-Tarhib* karangan al-Mundhiri dan sebagainya. Kebanyakan hadith diriwayatkan dalam bahasa Arab dan sebahagian lagi diriwayatkan dalam bahasa Melayu. Kebiasaan hadith yang dikemukakan diletakkan di dalam kurungan supaya pembaca mudah membezakannya, beliau menunjukkan satu-satu hadith dengan katanya sabda Nabi s.a.w., diriwayatkan daripada Nabi s.a.w., warid daripada Nabi s.a.w., atau hadith Nabi s.a.w. di samping terdapat juga sebahagian kecil hadith yang beliau riwayatkan tanpa menyebut tanda-tanda pengecaman seperti di atas, ini selalunya hadith yang diriwayatkan dalam bahasa Melayu tanpa menyebut matannya. Beliau juga menyatakan Perawi dikalangan sahabat Nabi pada sebilangan kecil riwayatnya seperti hadith yang ke 15⁶⁹, dan ada juga hadith yang beliau nyatakan dengan jelas sumbernya seperti hadith yang ke 16, katanya :

*"Dan seperti barang yang dikeluarkan oleh Muslim daripada 'Abd Allah bin Mas'ud katanya akan Nabi s.a.w. ... "*⁷⁰

⁶⁷ *Ibid*, hal. 35, 55, 79, 81.

⁶⁸ *Ibid*, hal. 23.

⁶⁹ Lihat Syeikh Daud (t.t), *op.cit*, hal. 39.

⁷⁰ *Ibid*.

Kedudukan hadith dalam karya ini kebanyakannya adalah *sahih* di samping terdapat juga hadith-hadith yang *da'if* dan *mawdū*.

3.3 Zaman Kedatangan Islam Dan Perkembangan Penulisan Hadith Di Nusantara.

Kedatangan Islam ke Negeri-negeri Melayu bolehlah dikaitkan dengan hubungan Awal Dengan Negeri Arab⁷¹. Sebenarnya tidak ada catatan yang jelas tentang perkembangan pertama agama Islam ke Tanah Melayu. Hal ini disebabkan kurangnya bahan-bahan penyelidikan seperti tugu-tugu, batu-batu bersurat dan lain-lain peninggalan. Tetapi wujudnya orang Arab di Timur Jauh telah pun bermula sejak tahun Hijrah yang pertama atau sejak abad ke-7 Masihi bahkan lebih awal daripada itu.

Kemudian dalam abad ke-8 Masihi terdapat masyarakat Islam yang ramai di Canton negeri China. Hal ini kemungkinan besar mereka telah mempunyai banyak tempat kediaman di sepanjang jalan perniagaan dari Canton ke Tanah Arab seperti India, Sumatera, Jawa dan Malaya. Dengan ini dapat mempereratkan lagi perhubungan antara orang Islam dari pedagang Arab dengan alam Melayu.

Dalam abad ke-8 dan ke-9 Masihi, pengembara-pengembara dan pedagang Arab, Parsi dan India bertumpu ke gugusan pulau-pulau Melayu untuk melakukan

⁷¹ Lihat Hj. Dusuki bin Haji Ahmad (1986M), *Iktisar Perkembangan Islam*, DBP, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur : Utusan Printcorp Sdn.Bhd, cet. 8, hal. 511.

lawatan perniagaan di negeri Sriwijaya yang berada di puncak kebesaran dan kegemilangannya pada waktu itu dan secara beransur-ansur mereka ini telah mengislamkan penduduk tempatan.

Manakala perkembangan pengajian ilmu di Nusantara adalah dicetuskan oleh golongan ulama. Mereka ini seolah-olah menjadi penentu corak dan bentuk agama Islam yang berkembang di Asia Tenggara sehingga kini. Karya-karya mereka pula adalah merupakan kitab-kitab “*turath Islāmī*” yang masih menjadi rujukan. Mereka merupakan rantaian sanad pengajian tradisional Asia Tenggara. Dari 10 peringkat perjuangan penulisan Islam oleh ulama Asia Tenggara yang dimaksudkan tadi dapat diperkecilkan menjadi 3 kelompok ulama yang paling terkenal iaitu :

- i) Kelompok yang terdiri daripada : Syeikh Hamzah al-Fansūrī, Syeikh Syamsuddin Sumatrāī, Syeikh Nuruddin al-Rānīrī dan Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansūrī, semuanya di Aceh. Syeikh Yusuf Tajul Khalwati al-Mankathi (Bugis), Syeikh Abdul Malik bin Abdullah Terengganu dan Syeikh Abdur Rahman Pauh Bok al-Faṭānī dan ramai lagi.
- ii) Kelompok yang terdiri daripada nama : Syeikh Abdul Salam al-Falimbānī, Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Faṭānī, Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minankabāwī, Syeikh Ahmad Khatib al-Sambāsī dan ramai lagi.
- iii) Kelompok yang terdiri daripada nama : Syeikh Nawawi al-Bantānī, Syeikh Muhammad bin Ismail al-Faṭānī, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Faṭānī, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Faṭānī, Syeikh Ahmad bin Muhammad

Yunus Lingga, Syeikh Ahmad bin Abdul Latif al-Minkabawi Syeikh Muhammad Muktar Bogor dan ramai lagi⁷².

Semua ulama tersebut berpegang teguh dalam tiga bentuk asas agama Islam yang betul menurut jumhur ulama. Tiga asas agama Islam itu ialah akidah, fekah dan tasawuf. Berkenaan akidah, mereka berpegang dengan Akidah Ahli Sunnah Waljamaah aliran Syeikh Abū Ḥasan al-Asy‘ari dan Syeikh Abū Maṣṣūr al-Māturīdī. Dalam fekah, mereka mengikuti Mazhab Syafi‘i walaupun mereka juga mendalami mazhab-mazhab lain. Dalam tasawuf pula, mereka mengikuti ulama tasawuf yang muktabar seperti Syeikh Junaid al-Baghdādī, Imam al-Ghazali dan lain-lain serta dengan *Tariqat Sufiyah* yang betul pengambilannya.

Ulama-ulama ini telah menulis pelbagai ilmu keislaman yang sebahagiannya masih diguna di Asia Tenggara sampai sekarang⁷³.

3.3.1 Zaman Kedatangan Islam Ke Negeri-negeri Melayu.

Ke Terengganu : Tempat tumpuan Islam yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu ialah Kuala Berang, buktinya masih dapat dilihat di Muzium Negara Kuala Lumpur iaitu apa yang dinamakan Batu Terengganu, satu tiang batu tertulis dalam bahasa Melayu yang berhuruf jawi⁷⁴.

⁷² Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2000M), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, jil. 1, hal. 11.

⁷³ Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2000M), *op.cit.*, jil.1, hal 13.

⁷⁴ Lihat Hj. Dusuki bin Haji Ahmad, *op.cit.*, hal. 515.

Ke Melaka : Menurut catatan sejarah Cina ada menyatakan seorang jeneral Dinasti Ming negeri China yang bernama Ceng Ho yang beragama Islam telah datang ke Melaka pada tahun 1403 Masihi. Catatan ini telah menyatakan bahawa rakyat negeri Melaka yang waktu itu telah ramai beragama Islam⁷⁵.

Ke Johor : Dapat dikatakan daerah-daerah di Johor dan juga penduduk yang begitu jauh terasing di pendalaman negeri itu telah memeluk agama Islam sebagai hasil secara langsung dari penerimaan agama Islam di Melaka⁷⁶.

Ke Negeri Sembilan : Sungai Ujong menjadi milik Tun Perak, Bendahara Sultan Muhammad Melaka (1423-1446 M) telah memeluk agama Islam pada permulaan abad ke-15 Masihi⁷⁷.

Ke Kelantan : Sekitar tahun 1150 Masihi seorang Syeikh dari Patani telah datang membawa agama Islam di negeri ini. Perkembangan Islam di negeri ini lebih awal dari negeri-negeri lain di Persekutuan Tanah Melayu, iaitu sejak tahun 577 Hijrah bersamaan dengan tahun 1181 Masihi⁷⁸.

Ke Banjarmasin, Kalimantan : Dahulunya daerah ini sebahagian daripada jajahan Kerajaan Majapahit. Setelah kejatuhan Kerajaan Majapahit dalam tahun 1478 Masihi, Banjarmasin menerima agama Islam melalui

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ *Ibid.* hal. 516.

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ *Ibid.*

Kesultanan Demak, Kerajaan Islam yang telah menggantikan Kerajaan Majapahit di Jawa⁷⁹.

Ke Filipina : Pengislaman penduduk pulau Mindanao, pulau yang kedua besarnya di Filipina berlaku hasil dari daya usaha seorang bangsa Arab yang bernama Syarif Muhammmad Kabongsuan⁸⁰.

Ke Sulu : Sesetengah ahli sejarah berpendapat bahawa pengislaman penduduk kepulauan Sulu adalah melalui seorang Muballigh Arab yang bernama Makhdum Ibrahim al-Akhbār al-Ḥusaynī yang melakukan kegiatannya pada akhir abad ke-14 Masihi⁸¹.

Ke Bali dan Sunda Kecil : Tidak ada dalil yang jelas tentang kemasukan Islam ke pulau-pulau Bali dan Sunda Kecil. Tetapi besar kemungkinan bahawa orang Islam dari Pulau Jawa telah pergi bermastautin dan membawa agama Islam ke sana⁸².

Ke Kepulauan Maluku : Agama Islam dibawa ke Maluku oleh saudagar-saudagar Islam yang sentiasa mengunjungi dan mendiami di situ⁸³.

⁷⁹ *Ibid.* hal. 517.

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ *Ibid.*

⁸² *Ibid.* hal. 518.

⁸³ *Ibid.*

Ke Bentan : Islam tersebar dari Demak ke Bentan pada awal kurun ke-16 ketika tentera Demak di bawah pimpinan Syarif Hidayatullah dapat menaklukinya⁸⁴.

3.3.2 Perkembangan Penulisan Hadith Di Nusantara.

Ada pendapat mengatakan bahawa penulisan ilmu-ilmu keislaman yang dilakukan oleh ulama Asia Tenggara zaman silam hanya berkisar pada ilmu-ilmu tasawuf, fekah dan tauhid sahaja dan ada juga yang berpendapat bahawa ulama-ulama silam Asia Tenggara tidak kenal ilmu hadith. Pendapat demikian adalah satu kekeliruan besar kerana kalau dikaji dengan teliti pelbagai penulisan ilmu-ilmu pengetahuan keislaman yang dilakukan oleh ulama Asia Tenggara termasuklah ilmu-ilmu hadith.

Terdapat dua buah penulisan hadith peringkat awal ditemui iaitu pada abad ke-17, sebuah karya Syeikh Nuruddin ar-Rānīrī dan sebuah lagi karya Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansūrī. Kedua-dua kitab hadith tersebut ialah⁸⁵ : i) *Al-Fawā'id al-Bahiyyah* atau dinamakan juga dengan *Hidāyah al-Habib*.

Karya Syeikh Nuruddin ar-Rānīrī. Kitab hadith ini diselesaikan pada hari Jumaat, Syawal tahun 1045 Hijrah bersamaan 1635 Masihi. Di dalamnya terkumpul sebanyak 823 hadith terdiri daripada 53 bab. Semua teks hadith dalam karya Syeikh Nuruddin ar-Rānīrī ditulis dalam bahasa Arab dan

⁸⁴ *Ibid*.

⁸⁵ Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2000M), *op.cit.*, jil. 1, hal 79.

kemudian diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Manuskripnya terdapat sebuah dalam simpanan Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia (PMM-PNM).

ii) *Hadīth Arba 'in.*

Karya Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansūrī, setakat ini baru dijumpai dua buah manuskrip yang tersimpan di PMM-PNM. Kitab hadith karya Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansūrī ini adalah terjemahan dan tafsir kitab *Hadīth Arba 'in* karangan Imam al-Nawawī yang pertama sekali dalam bahasa Melayu. Pada tahun 1272 Hijrah bersamaan 1856 Masihi terdapat satu lagi terjemahan beserta syarah *Hadīth Arba 'in* Imam Nawawī itu yang diberi judul *Fath al-Mubīn*, karya Syeikh Muhammad Saleh bin Muhammad Murid Rawa. *Hadīth Arba 'in* susunan serta terjemahan Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī pernah beliau muatkan dalam karyanya *Hidāyah al-Muta'allim*. *Hadīth Arba 'in* susunan Syeikh Khatib al-Munzirī pernah diterjemah oleh Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Faṭānī. Terjemahan tersebut diberi judul *Hidāyah al-Mukhtār*⁸⁶.

1. Penulisan hadith Syeikh Abdullah bin Abdul Mubin al-Faṭānī.

Beliau telah menghasilkan sebuah kitab hadith yang berjudul *Tanbīh al-Ghāfilin* yang selesai penulisannya pada tahun 1184 Hijrah bersamaan

⁸⁶ Dicetak pada bahagian akhir semua cetakan kitab *Tāj al-Mulk*.

1770 Masihi. Karya ini merupakan terjemahan yang pertama bagi *Tanbih al-Għafilin* karya Syeikh Abū Layth al-Samarqandi⁸⁷.

2. Penulisan hadith Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī.

Terdapat Beberapa buah kitab⁸⁸ karangan Syeikh Daud al-Faṭānī antaranya ialah :

- i) *Farā'id Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdī*, diselesaikan pada malam Sabtu, Zulkaedah 1215 Hijrah bersamaan 1800 Masihi. Merupakan terjemahan daripada karya Syeikh Mirghānī bin Yūsuf.
- ii) *Kasyf al-Ghummah*, selesai pada tahun 1236 Hijrah bersamaan 1822 Masihi, kitab ini merupakan terjemahan daripada *Kasyf al-Ghummah* karya Syeikh ‘Abd al-Wahhāb al-Sya‘rānī.
- iii) *Hikayah Imām*. Kitab ini merupakan sebuah karya tentang ilmu *rijāl al-Hadīth* dan merupakan kitab yang pertama membicarakan tentang ilmu *rijāl* hadith dalam bahasa melayu⁸⁹.
- iv) *Bughyah al-Tullāb* dan *Jam' al-Fawā'id*⁹⁰.

⁸⁷ Lihat Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2000M), *op.cit.*, hal. 83.

⁸⁸ Iaitu kitab yang dimuatkan hadith-hadith Nabi s.a.w. di dalamnya.

⁸⁹ Pendapat ini diutarakan oleh Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah dalam kitabnya Wawasan Pemikiran Islam Asia Tenggara, mengikut kajian yang beliau lakukan sampai sekarang belum ada lagi satu penulisan mengenai rijal hadith selain kitab ini. Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (2000M), *ibid*, hal. 85.

⁹⁰ Lihat *ibid*, hal. 84 dan 85. Lihat Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah (1990M), *op.cit.*, hal. 55.

3. Penulisan hadith Syeikh Nawawi al-Bantānī.

Beliau telah menghasilkan dua buah kitab hadith iaitu kitab *Tanqīh al-Qawl*⁹¹ yang merupakan syarah *Lubāb al-Ḥadīth* karya Syeikh Imam Suyūṭī. Kitab *Lubāb al-Ḥadīth* disyarah oleh Syeikh Nawawi al-Bantānī dalam bahasa Arab. Manakala dalam bahasa Melayu pula disyarah oleh Syeikh Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan al-Kalantānī yang berjudul *al-Jawhar al-Mawhūb*. Dan kitab *Naṣāḥat al-'Ibād* diselesaikan pada hari khamis, 21 Safar 1311 Hijrah bersamaan 1893 Masihi merupakan syarah bagi *Munabbihāt 'alā al-Isti'dād* karya Syeikh Ibn Ḥajar al-'Asqalānī⁹².

4. Penulisan hadith Syeikh Wan Ali Kutan.

Beliau telah menghasilkan kitab hadith yang berjudul *al-Jawhar al-Mawhūb*, diselesaikan di Mekah pada malam Selasa 2 Jamadil Awal 1306 Hijrah bersamaan 1888 Masihi. Cetakan awal kitab ini ditashih dan diusahakan oleh Syeikh Ahmad al-Faṭānī. Selain itu terdapat cetakan yang tersendiri kitab *al-Jawhar al-Mawhūb* karya Syeikh Wan Ali Kutan ini juga di cetak pada semua cetakan *Siyar al-Sālikin* yang diletakkan pada bahagian tepinya⁹³.

⁹¹ Kitab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Zaid Husain al-Ḥamid, diterbitkan oleh Mutiara Ilmu, Surabaya, cetakan pertama pada bulan Sya'ban tahun 1416H / Disember 1995M.

⁹² *Ibid*, hal. 86,87 dan 88.

⁹³ *Ibid*, hal. 89.

5. Penulisan Hadith Syeikh Ahmad al-Faṭānī.

Mengenai hadith terdapat tulisan beliau dalam bahasa Arab dan Melayu antaranya ialah kitab *Bisyārah al-Āmilin*. Kitab ini diselesaikan di Mekah pada malam Ahad, 14 Rabi’ul Akhir 1304 Hijrah bersamaan 1887 Masihi⁹⁴.

6. Penulisan Hadith Syeikh Ahmad Lingga.

Salah sebuah daripada karangan beliau ialah mengenai hadith yang diberi judul *Naṣīḥah Ahl al-Wafā’ ‘alā Waṣīyyah al-Muṣṭafā’*, diselesaikan di Mekah pada hari Sabtu 11 Syawal 1312 Hijrah bersamaan 1895 Masihi⁹⁵. Kitab ini merupakan terjemahan wasiat Nabi Muhammad s.a.w. kepada Saydinā ‘Alī bin Abī Ṭālib yang pertama sekali dalam bahasa Melayu⁹⁶.

7. Penulisan Hadith Syeikh Uthman Puntianak.

Karangan beliau mengenai hadith ialah yang berjudul “*Irsyād al-‘Ibād* Penjaga dan Bekal Hari Akhirat”, panggilan singkatkan *Irsyād al-‘Ibād*. Tulisan ini selesai pada tahun 1324 Hijrah bersamaan 1906 Masihi, dicetak pada tahun itu juga oleh Maṭba’ah al-Miriyah al-Kaynah, Mekah. Kitab ini

⁹⁴ Lihat *ibid*, hal. 90, 91 dan 92.

⁹⁵ Kitab ini diklasifikasikan sebagai nadir, ini kerana naskahnya tidak dijumpai kecuali naskah yang dimiliki oleh Hj. Wan Mohd Sahgir sahaja. Cetakan kedua oleh Maṭba’ah al-Miriyah al-Kaynah, Mekah pada tahun 1323 hijrah.

⁹⁶ *Ibid*, hal. 93.

merupakan terjemahan secara lengkap daripada kitab *Munabbihāt 'alā Isti'dād li Yawm al-Ma'ād* karya Syeikh Ibn Ḥajar al-'Asqalānī⁹⁷.

8. Penulisan Hadith Syeikh Mahfuzah al-Tarmasī.

Karya beliau diberi judul *Kifāyah al-Mustafid li mā 'alā min al-Asānid*⁹⁸ (*Kifāyah Mustafid*) ini membicarakan pelbagai sanad dan kitab ini dicetak oleh Maṭba'ah al-Masyhad al-Ḥusaynī, Mesir tanpa disebut tahun cetakan. Pada halaman 10 hingga 19 khusus membicarakan tentang sanad-sanad ilmu hadith mulai beliau, gurunya, hingga kepada yang teratas. Kitab kedua hasil karya beliau ialah *Minhaj Dhawī al-Naẓar* yang pernah dicetak berkali-kali di Mekah dan Surabaya⁹⁹.

9. Penulisan Hadith Syeikh Husin Kedah.

Antara karya-karya beliau yang banyak, terdapat sebuah karya hadith yang diberi judul terjemahan hadith *Jawāhir al-Bukhārī*. Tidak diketahui tahun berapa karya ini diselesaikan, ini kerana hanya terdapat juzuk yang pertama sahaja. Cetakan pertama oleh al-Maktabah al-Zayniyyah, Taiping perak pada tahun 1350 Hijrah. Pada mukaddimahnya Tuan Husin Kedah menyebut bahawa beliau terjemahkan dari segala lafadz hadith *Jawāhir al-Bukhārī* dan sebahagian daripada *Syarh al-Qaṣṭalānī*. Tuan Husin telah menyebut judul sebenar bagi

⁹⁷ *Ibid*, hal. 94.

⁹⁸ Dicetak oleh Maṭba'ah al-Masyhad al-Ḥusaynī, Mesir tanpa disebut tahun cetakan.

⁹⁹ *Ibid*, hal. 95 dan 96.

terjemahan ini dengan *Tadħkir Qabā'il al-Qadħ fī Tarjamah al-Bukhārī*. Hadith-hadith yang dibicarakan dalam kitab ini sebahagian besarnya adalah sama dengan yang terkandung dalam *Mukhtaṣar Ibn Abī Jamrah*¹⁰⁰.

10. Penulisan Hadith Syeikh Uthman Jalaluddin al-Kalantānī.

Dari sekelain banyak karya beliau, juga dijumpai bahasannya mengenai hadith. Dalam karyanya yang berjudul *Maṭāli' al-Anwār wa Majāmi' al-Azhar* (*Maṭāli' al-Anwār*), juzuk pertama merupakan perbahasan mengenai asal usul ilmu keislaman. Mulai halaman 33 membahaskan mengenai ilmu-ilmu hadith¹⁰¹.

11. Penulisan Hadith Syeikh Idris al-Marbawi.

Beliau merupakan seorang ulama yang sangat terkenal dengan kamus Arab Melayu iaitu Kamus al-Marbawi. Karya beliau mengenai hadith yang terkenal ialah “*Bahr al-Madhi li Syarḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhi*”. Iaitu terjemahan kitab *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhi* serta disyarah oleh Syeikh Idris bin Abd Rauf al-Marbawi tersebut. Terjemahan *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhi* secara lengkap ini adalah merupakan yang pertama sekali dilaksanakan dalam bahasa Melayu. *Bahr al-Madhi* adalah sebuah karya besar yang terdiri daripada 22 jilid yang sudah diterbitkan. Jilid 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, tidak disebut tarikhnya, jilid 9 pula tarikh selesai menulis iaitu pada malam Rabu, 29 Syawal 1357 Hijrah,

¹⁰⁰ *Ibid*, hal. 96.

¹⁰¹ *Ibid*, hal. 98.

dirumahnya berhampiran Universiti al-Azhar Kaherah, Mesir. Manakala jilid 10, 11, 12, 13, 14, 15, pula tidak disebut tarikhnya dan jilid 16 telah diselesaikan pada malam Rabu 21 Ramadhan 1359 Hijrah bersamaan 1940 Masihi. Jilid 17, 18, 19 tidak disebut tarikh. Dan jilid ke-20 diselesaikan pada malam Rabu 25 Ramadhan, 1373 Hijrah bersamaan dengan 18 Mei 1955 Masihi. Jilid 21 pula mulai menulis pada hari Khamis 26 Sya'ban 1374 Hijrah bersamaan 19 Mei 1955 Masihi, selesai pada 25 Rabi'ul Akhir 1376 Hijrah bersamaan 10 Disember 1955 Masihi. Jilid 22 mulai pada 25 Rabi'ul Akhir 1376 Hijrah bersamaan 10 Disember 1955 Masihi, selesai pada malam 2 Jamadil Akhir 1377 Hijrah bersamaan 24 Disember 1957 Masihi¹⁰².

Penerbitan keseluruhan diusahakan oleh Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, Mesir mulai tahun 1352 Hijrah bersamaan 1933 Masihi¹⁰³.

3.4 Kesimpulan.

Jelaslah kepada kita bahawa ulama melayu Nusantara zaman dahulu tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan ulama dari Timur Tengah. Mereka telah merintis jalan kepada generasi selepas mereka untuk melangkah maju ke hadapan dalam meneruskan perkembangan ilmu pengetahuan. Kemahuan dan matlamat mereka tidak pernah pudar, inilah pencetus semangat generasi kemudian.

¹⁰² *Ibid*, hal. 102.

¹⁰³ *Ibid*.

BAB KETIGA

*RIWAYAT HIDUP SYEIKH DAUD AL-
FATĀMĪ DAN PENGENALAN KITAB
KAJIAN (AL-DURR AL-THAMĪN)
SERTA PERKEMBANGAN
PENULISAN HADITH DI
NUSANTARA*